

1974

KUALA LUMPUR, 19 NOV. (BERNAMA) -- KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG MEMBUAT PENYIASATAN YANG TELITI TERHADAP LAPORAN KEBOCORAN KERTAS BAHASA MALAYSIA DALAM PEPERIKSAAN MCE KELMARIN, KATA MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BELIAU MENGETAHUI KEBOCORAN ITU BERLAKU TETAPI SUDAH TERLAMBAT UNTUK MENARIK BALIK KERTAS ITU.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENEGASKAN PELAJAR-PELAJAR YANG FIKIR MEREKA BERNASIB BAIK MENDAPAT KERTAS ITU DULU ADALAH MEMBUAT KESALAHAN BESAR.

DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIAN AKAN MENKKAJI JAWAPAN CALUN-CALUN YANG MENGAMBIL KERTAS ITU DAN SEKIRANYA JAWAPANYA AMAT BAIK, MAKA DARJAH PEMERIKSAANNYA AKAN DIKETATKAN.

MENGENAI KETIDAKADILAN TERHADAP PARA PELAJAR YANG TIDAK DAPAT MELIHAT KERTAS SOALAN ITU DULU, MENTERI PELAJARAN BERKATA: +KITA TAHU AKAN DARJAH KEBOLEHAN DI MASA LALU PELAJAR-PELAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH DAN KAWASAN-KAWASANNYA DAN BERASASKAN INI KITA BOLEH MENDUGA AKAN MUTU JAWAPAN DARI PELAJAR-PELAJAR DI KAWASAN-KAWASAN ITU. +

+SEKIRANYA, JAWAPAN MEREKA TERLALU BAIK, MAKA TENTETULAH ADA SESUATU YANG BERLAKU, + TAMBAHNYA.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KEMENTERIAN AKAN MENGAMBIL LANGKAH LEBIH KETAT DI MASA DEPAN UNTUK MEMPASTIKAN TIDAK BERLAKU LAGI KEBOCORAN. --BERSAMBUNG 1350/IK

549

KERTAS BOCOR 2 KUALA LUMPUR

14/4

SEMENTARA ITU, PEMUDA PAS HARI INI MENYERU KEMENTERIAN PELAJARAN SUPAYA BERTINDAK 'TEGAS DAN SEGERA' MENGHANCORKAN SENDIKIT YANG MEMBOCORKAN KERTAS SOALAN ITU. SETIAUSAHA DEWAN PEMUDA PAS PUSAT, ENCIK HAMIM ABU BAKAR BERKATA 'PERBUATAN MEMBOCORKAN KERTAS SOALAN ITU ADALAH SATU JENAYAH YANG PATUT DIAMBIL TINDAKAN YANG SEWAJARNYA.' PERKARA KEBOCORAN SOALAN PEPERIKSAAN INI BUKANLAH SUATU PERKARA KECIL. KATANYA. --BERNAMA 1400/IK

566

KERTAS-BOCOR 3 KUALA LUMPUR. (SAMBUNGAN BERITA 549)

DI PULAU PINANG, PENGARAH PELAJARAN NEGERI, ENCIK TAN BOON LIN BERKATA, SEORANG PENUNUT TELAH MENYERAHKAN KEPADANYA SATU MUKA SALINAN KERTAS SOALAN ITU KELMARIN, TETAPI 'SAYA TIDAK DAPAT MENYATAKAN SAMA ADA IA SAMA DENGAN YANG ASALNYA.'

TAMBAHNYA, JABATAN PELAJARAN TELAH MENERIMA BEBERAPA ADUAN DARI PENUNUT-PENUNUT DAN IBU-BAPA MENGENAI KEBOCORAN YANG DIKATAKAN ITU.

BAHASA MALAYSIA IALAH SATU MATAPELAJARAN WAJIB DAN SESEORANG CALUN BAGI PEPERIKSAAN MCE AKAN GAGAL KESELURUHAN PEPERIKSAAN ITU JIKA IA GAGAL DALAM PERKARA TERSEBUT. --BERNAMA 1435X

565:

KERTASBOCOR 4 KUALA LUMPUR (SAMBONGAN BERITA 566)

SABONGAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU SEMENANJONG (GPMS) MEMINTA KEMENTERIAN PELAJARAN MENUBUHKAN SEBUAH BADAN MENYIASAT KEBOCORAN ITU.

SETIAUSAHA AGUNGNYA, ENCIK ZULKIFLI HAMID, BERKATA DALAM MENJALANKAN PENYIASATAN, BADAN ITU HENDAKLAH BEKERJASAMA DENGAN GURU-GURU YANG TELAH DIHUBUNGI OLEH MURID-MURID BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT DI SAAT AKHIR SEBELUM PEPERIKSAAN BERMULA.

GPMS BERPENDAPAT TIDAK ADANYA KEJUJURAN OLEH PIHAK-PIHAK YANG HARUS TAAT SETIA DAN KERANA ITU TINDAKAN HARUSLAH DIAMBIL TERHADAP MEREKA YANG TERLIBAT.

GPMS MENCADANGKAN SUPAYA PENYELARASAN PERLU DIKETATKAN DENGAN MENYUSU SEMULA CARA PENYAMPAIAN DAN PENYERAHAN KERTAS-KERTAS SOALAN KEPADA PENGARAH-PENGARAHPELAJARAN NEGERI. -- BERNAMA 1705/SZ